

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (Registration No.: 196001000142) ("**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.0 di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad serta mengikat.

1. Tempoh Kempen

- a) Kempen ini akan bermula dari 26 Januari 2026 pada 12:00:00 PG (MYT) sehingga 4 Mei 2026 pada 11:59:59 PTG (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] ("**Tempoh Kempen**").

2. Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang melakukan transaksi Maybank2u Online Banking, juga dikenali sebagai transaksi FPX (Financial Process Exchange) atau DuitNow Online Banking/Wallet dengan memilih Maybank2u Online Banking sebagai kaedah pembayaran dalam Tempoh Kempen ("**Transaksi Layak**").
- b) Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dengan dokumen pengenalan yang sah. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("**Bawah Umur**") mesti mendapatkan keizinan ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Dengan memilih Maybank2u Online Banking sebagai kaedah pembayaran semasa pembayaran, individu Bawah Umur mengakui bahawa mereka telah mendapat keizinan terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka. Terma dan Syarat ini terpakai kepada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka sebagai ganti individu Bawah Umur.
- c) Semua pelanggan individu yang memenuhi kriteria ini dan berjaya menyelesaikan Transaksi Layak akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**". Pelanggan Layak akan dimasukkan secara automatik ke dalam Kempen ini.

3. Mekanik Kempen

- a) Pelanggan Layak mesti membuat Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen untuk layak memenangi Hadiah Utama ("**Hadiah Utama**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.
- b) Kempen ini juga memaparkan beberapa Promosi Diskaun daripada pelbagai pedagang. Pelanggan Layak mesti memiliki akaun yang sah dan aktif dengan pedagang berkenaan serta membuat Transaksi Layak dalam tempoh Promosi Diskaun

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

tersedia untuk kegunaan pelanggan ("**Tempoh Jualan**") untuk layak menuntut dan menggunakan diskaun dalam Kempen, yang selepas ini dirujuk sebagai "**Promosi Diskaun**". Promosi Diskaun adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

- c) Transaksi Layak bermaksud sebarang transaksi Maybank2u Online Banking yang berjaya dilaksanakan dalam Tempoh Kempen mengikut keperluan yang digariskan di bawah dalam Jadual 1 dan/atau Jadual 2.
- d) Tempoh dan pemenuhan promosi juga tertakluk kepada terma dan syarat pedagang masing-masing. Maybank tidak bertanggungjawab atas sebarang pengubahsuaian dalam proses pemenuhan promosi yang dibuat oleh pedagang.

Jadual 1: Syarat Kempen untuk memenangi Hadiah Utama

Transaksi Layak	Penyertaan Diperoleh	Amaun Kelayakan bagi Setiap Transaksi	Hadiah Utama	Kuantiti Hadiah
Pelanggan yang membuat transaksi Maybank2u Online Banking pada mana-mana platform/pedagang dalam talian.	Satu (1) penyertaan bagi setiap Transaksi Layak.	Sebarang amaun transaksi	2g emas digital dalam Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)	Sepuluh (10) Pemenang sepanjang Tempoh Kempen

Jadual 2: Syarat Kempen untuk memenangi Promosi Diskaun

Semua Promosi Diskaun yang disenaraikan di bawah ditawarkan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada bilangan baucar yang dihadkan bagi setiap pedagang dalam Tempoh Jualan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4(C).

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Pedagang	Promosi Diskaun	Pemenuhan Promosi	Perbelanjaan Kelayakan	Tempoh Jualan
Shopee	1. Diskaun RM8 2. Diskaun RM88	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pelanggan membuat pembayaran melalui Maybank2u Online Banking	1. Perbelanjaan minimum RM50 2. Perbelanjaan minimum RM500	1 Februari 2026 hingga 10 Februari 2026 1 Mac 2026 hingga 15 Mac 2026
TikTok Shop	1. Diskaun RM8 2. Diskaun RM88	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pelanggan membuat pembayaran melalui Maybank2u Online Banking	1. Perbelanjaan minimum RM50 2. Perbelanjaan minimum RM500	5 Mac 2026 hingga 20 Mac 2026
Lazada	1. Diskaun RM8 2. Diskaun RM88	Tuntut baucar diskaun, dan pelanggan guna baucar diskaun di halaman pembayaran semasa membuat pembayaran melalui Maybank2u Online Banking	1. Perbelanjaan minimum RM50 2. Perbelanjaan minimum RM500	1 Februari 2026 hingga 10 Februari 2026 1 Mac 2026 hingga 15 Mac 2026 24 Mac 2026 (8pm) hingga 27 Mac 2026
Taobao	1. Diskaun RM8 2. Diskaun RM88	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pelanggan membuat pembayaran	1. Perbelanjaan minimum RM50 2. Perbelanjaan minimum RM500	1 April 2026 hingga 15 April 2026 (8 malam setiap hari)

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Pedagang	Promosi Diskaun	Pemenuhan Promosi	Perbelanjaan Kelayakan	Tempoh Jualan
		melalui Maybank2u Online Banking		
ZUS COFFEE	1. Diskaun RM8	Gunakan kod promosi 'MAEZUS8' semasa pembayaran dan pilih Maybank2u Online Banking sebagai kaedah pembayaran	1. Perbelanjaan minimum RM20	29 Januari 2026 5 Februari 2026 12 Februari 2026 19 Februari 2026 26 Februari 2026 5 Mac 2026 12 Mac 2026 19 Mac 2026 26 Mac 2026 2 April 2026 9 April 2026 16 April 2026 23 April 2026 30 April 2026
Watsons	1. Diskaun RM8	Diskaun akan digunakan apabila mengaktifkan "Maybank2u Promo" di bawah "Bank Promotion" semasa pembayaran dan memilih Maybank2u Online Banking sebagai kaedah pembayaran.	1. Perbelanjaan minimum RM50	26 Januari 2026 hingga 4 Mei 2026

4. Hadiah Pemenuhan

- a) Maybank berhak menggantikan Hadiah Utama dengan apa-apa item lain yang mempunyai nilai pasaran yang setara mengikut budi bicara munasabahnyanya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemenang yang akan dimaklumkan di laman web Maybank2u dan/atau platform lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

b) Contoh/senario kelayakan bagi Hadiah Utama dan Promosi Diskaun

Senario	Kelayakan
Pelanggan membuat dua (2) pembayaran melalui Maybank2u Online Banking sepanjang Tempoh Kempen. - Satu (1) pembayaran RM50 kepada Shopee pada 28 Januari 2026 - Satu (1) pembayaran sebanyak RM100 kepada TikTok Shop pada 10 Mac 2026	<u>Hadiah Utama</u> Layak bagi dua (2) penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. <u>Promosi Diskaun</u> - Tidak layak bagi sebarang Promosi Diskaun di Shopee kerana tidak dalam Tempoh Jualan - Layak untuk potongan RM8 di TikTok Shop atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan.
Pelanggan membuat empat (4) pembayaran melalui Maybank2u Online Banking sepanjang Tempoh Kempen. Pembayaran kepada Lazada: - Satu (1) pembayaran sebanyak RM20 pada 17 Februari 2026 - Satu (1) pembayaran sebanyak RM500 pada 5 Mac 2026 Pembayaran kepada TikTok Shop: - Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 10 Februari 2026 - Satu (1) pembayaran sebanyak RM200 pada 5 Mac 2026	<u>Hadiah Utama</u> Layak bagi empat (4) penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. <u>Promosi Diskaun</u> - Bagi pembayaran pada 17 Februari 2026: Tidak layak bagi sebarang Promosi Diskaun di Lazada kerana tidak memenuhi keperluan perbelanjaan minimum dan bukan dalam Tempoh Jualan. - Bagi pembayaran pada 5 Mac 2026: Layak bagi potongan RM88 di Lazada atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. - Bagi pembayaran pada 10 Februari 2026: Tidak layak bagi sebarang Promosi Diskaun di Taobao kerana bukan dalam Tempoh Jualan. - Bagi pembayaran pada 5 Mac 2026: Layak bagi potongan RM8 di Taobao atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

	kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan.
--	---

- c) Pelanggan Layak yang telah melaksanakan Transaksi Layak akan disenarai pendek sebagai **"Senarai Pendek Pemenang"**. Hadiah Utama dan Promosi Diskaun akan dipenuhi mengikut jadual di bawah.

Hadiah	Pemilihan Pemenang	Pemenuhan Hadiah
Hadiah Utama: 2g emas digital dalam Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i)	Senarai Pendek Pemenang akan dipilih secara rawak menggunakan penjana nombor rawak berdasarkan penyertaan yang diperoleh oleh Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Kempen. Sepuluh (10) Pelanggan Layak akan disenarai pendek sebagai Pemenang bagi keseluruhan Tempoh Kempen. (dikenali sebagai "Pemenang")	Pemenuhan Hadiah hendaklah berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar dari tarikh tamat Tempoh Kempen (4 Mei 2026), dan tidak akan melebihi 2 Ogos 2026.
Shopee: Diskaun RM8 Diskaun RM88	Pemenang layak akan diberi ganjaran atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. Ketersediaan baucar tertakluk kepada 38,575 penebusan sepanjang Tempoh Jualan.	Diskaun akan digunakan secara automatik di halaman pembayaran apabila pelanggan membuat pembayaran
TikTok Shop Diskaun RM8 Diskaun RM88	Pemenang yang layak akan diberi ganjaran atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. Ketersediaan baucar tertakluk kepada 24,400 penebusan sepanjang Tempoh Jualan.	
Lazada Diskaun RM8 Diskaun RM88	Pemenang yang layak yang menuntut baucar akan diberi ganjaran atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada	

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

	ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. Ketersediaan baucar tertakluk kepada 7,404 penebusan sepanjang Tempoh Jualan.	
Taobao Diskaun RM8 Diskaun RM88	Pemenang yang layak akan diberi ganjaran atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. Ketersediaan baucar tertakluk kepada 2,010 penebusan sepanjang Tempoh Jualan.	
ZUS COFFEE Diskaun RM8	Diskaun terhad kepada 893 pengguna aplikasi ZUS COFFEE pertama setiap minggu (pada setiap Khamis seperti dalam Jadual 2) atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan kod promosi sepanjang Tempoh Kempen. Ketersediaan kod promosi tertakluk kepada 12,500 penebusan sepanjang Tempoh Kempen.	Setiap pengguna layak menebus satu (1) promosi sepanjang Tempoh Kempen dan diskaun akan diberikan semasa pembayaran.
Watsons Diskaun RM8	Pemenang yang layak akan diberi ganjaran secara siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada, tertakluk kepada ketersediaan baucar sepanjang Tempoh Jualan. Ketersediaan baucar tertakluk kepada 6,163 penebusan sepanjang Tempoh Jualan.	Pengguna dikehendaki mengaktifkan togol 'Maybank2u Promo' di bawah 'Bank Promotion' semasa pembayaran dan memilih Maybank2u Online Banking sebagai kaedah pembayaran.

- d) Sekiranya Pemenang yang terpilih gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk melucutkan hak Pemenang untuk menerima Hadiah Utama.
- e) Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek akan dimaklumkan melalui pemberitahuan automatik aplikasi MAE dan/atau e-mel/panggilan telefon. Pemenang

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Hadiah Utama yang disenarai pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan sahaja dengan betul. Sekiranya soalan tersebut tidak dijawab dengan betul selepas dua (2) percubaan; ATAU sekiranya Pusat Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank tidak dapat menghubungi Pemenang selepas tiga (3) percubaan panggilan suara, Pemenang tersebut akan hilang kelayakan dan Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek seterusnya akan dihubungi. Sekiranya Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah individu Bawah Umur dan tidak dapat menjawab soalan tersebut secara lisan atas sebab ketidakupayaan, penjaga sah atau wakil boleh membantu menjawab soalan yang dikemukakan.

- f) Hadiah Utama akan diberikan dalam bentuk emas digital yang dikreditkan ke dalam Maybank Islamic Gold Account –i (MIGA-i) Pemenang.
- g) Hadiah akan dilucutkan sekiranya Pemenang tidak mempunyai atau memberikan akaun MIGA-i mereka dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas dihubungi oleh Maybank. Tiada pengganti atau pemenang layak seterusnya akan dipilih..
- h) Pemenang yang tidak mempunyai akaun MIGA-i sedia ada dikehendaki membuka akaun MIGA-i melalui aplikasi MAE, dengan pelaburan minimum RM10. Akaun semasa atau simpanan Maybank atau Maybank Islamic merupakan prasyarat bagi pembukaan akaun MIGA-i. Setelah akaun berjaya dibuka, Pemenang adalah terikat dengan Terma & Syarat MIGA-i.
- i) Nilai emas yang diterima oleh pemenang hendaklah berdasarkan harga emas pada tarikh perkreditan ke dalam akaun MIGA-i pemenang masing-masing.
- j) Maybank berhak untuk meminta dokumentasi lanjut atau bukti pengenalan diri, umur dan tempat kediaman Pemenang yang terpilih.
- k) Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan Kod Kebenaran Transaksi (TAC) bank, kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali guna (OTP) daripada Pemenang untuk menuntut Hadiah atau atas apa-apa sebab sekalipun.
- l) Pemenang Terpilih mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini; dan/atau menuntut semula sebarang Hadiah sekiranya:
 - i) Pemenang yang terpilih didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau operasi Kempen; atau
 - ii) Pemenang yang terpilih didapati atau disyaki menjalankan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang tidak konsisten dengan tujuan Kempen

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Maybank berhak untuk menolak sebarang penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicaranya.

- m) Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butiran hubungan mereka seperti nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Maybank. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pembatalan kelayakan daripada Kempen, dan Maybank tidak menanggung sebarang tanggungjawab atau liabiliti terhadap sebarang kerugian, termasuk kerugian peluang dan kerugian berbangkit, yang disebabkan oleh kegagalan Pelanggan Layak untuk mengemas kini butiran hubungan mereka dalam rekod Maybank.
- n) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau pertukaran bagi Hadiah Utama sekiranya Pemenang menolak Hadiah Utama dan/atau menghantar dan/atau meminta pilihan alternatif.
- o) Hadiah Utama yang diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau apa-apa jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

5. Pemenuhan Promosi Diskaun

- a) Sepanjang Tempoh Kempen, Pedagang yang dinyatakan dalam Jadual 2 berhak untuk menjalankan tawaran promosi tambahan dengan menyediakan Promosi Diskaun bagi Pelanggan Layak yang membuat Transaksi Layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh setiap pedagang.
- b) Promosi Diskaun seterusnya tertakluk kepada terma dan syarat masing-masing yang dikenakan oleh setiap Pedagang. Terma dan syarat ini boleh berubah mengikut budi bicara pedagang. Bagi mengelakkan keraguan, Maybank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang terma dan syarat Pedagang. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan dengan Promosi Diskaun, Pelanggan Layak hendaklah merujuk isu tersebut terus kepada Pedagang.
- c) Maybank berhak untuk menggantikan mana-mana atau semua Promosi Diskaun yang disenaraikan dengan item yang mempunyai nilai pasaran yang setara mengikut budi bicara munasabahnya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari ("hari" bermaksud hari kalendar) melalui apa-apa kaedah yang dianggap munasabah.
- d) Promosi Diskaun sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada barang-barang promosi Pedagang masing-masing. Sekiranya Promosi Diskaun tidak digunakan sehingga tarikh sah, Maybank tidak bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah atau menggantikan Promosi Diskaun, dan tidak akan membuat bayaran balik atau pampasan bagi barangan yang tidak digunakan sekiranya Pemenang dan/atau Pelanggan Layak tidak menggunakan Promosi Diskaun sepenuhnya.

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

- e) Promosi Diskaun tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau apa-apa bentuk pembayaran lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

6. Terma dan Syarat Umum

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- e) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- f) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- g) Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- h) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi

Terma dan Syarat Kempen Promosi FPX CNY RAYA 2026

Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

- i) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.